

29 OCT 2000

Mahathir-Kesal

MAHATHIR KESAL CUBAAN BURUKKAN NAMA PEMIMPIN DI LUAR NEGARA

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata tindakan segelintir rakyat Malaysia yang cuba memburuk-burukkan pemimpin negara tidak akan mendatangkan kesan terhadap pemimpin berkenaan, sebaliknya akan hanya menyebabkan rakyat menjadi mangsa.

Perdana Menteri berkata tindakan seperti itu boleh dianggap sebagai satu tindakan derhaka kepada negara kerana ia akan mengakibatkan pelabur asing tidak berminat untuk melabur di Malaysia.

"Tindakan yang semacam ini tidak harus dibuat oleh rakyat Malaysia kerana sebarang tindakan yang semacam ini tidak akan mempunyai apa-apa kesan kepada pemimpin kerajaan. Kalau ekonomi negara tidak tumbuh dengan pesat rakyat yang akan menderita," katanya pada satu majlis makan tengah hari bersama masyarakat di sini, hari ini.

Sambil merujuk kepada tindakan para penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengupah sebuah firma perunding di Amerika Syarikat untuk membantu merancang strategi mengenakan tekanan ekonomi ke atas Malaysia, Dr Mahathir berkata ia tidak harus dilakukan.

"Membuat sesuatu untuk memburukkan negara sendiri adalah suatu penderhakaan kepada negara walau apapun kekecewaan (yang mendorong) mereka (melakukannya)," kata beliau.

Pada majlis itu, Dr Mahathir, yang tiba di sini pagi ini untuk lawatan dua hari, turut menyentuh mengenai usaha bersungguh-sungguh kerajaan memulihkan negara daripada kegawatan ekonomi.

Walaupun menghadapi pelbagai halangan untuk menjayakan usaha berkenaan, termasuk kritikan pihak asing terhadap kawalan modal terpilih yang dilaksanakan kerajaan, Dr Mahathir berkata pemulihan ekonomi negara hari ini diakui oleh mereka yang pernah melemparkan kritikan berkenaan.

"Ada yang kata bahawa negara-negara yang menerima bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pulih lebih cepat tetapi bila saya bercakap dengan pihak tertentu, ternyata ini tidak benar kerana walaupun pulih, mereka terpaksa menanggung beban hutang," katanya.

Dr Mahathir juga melahirkan keyakinan bahawa negara akan dapat mencapai taraf negara maju pada tahun 2020 jika ekonomi negara dapat terus tumbuh pada kadar sekarang.

Beliau turut menyentuh mengenai perpecahan di kalangan orang Melayu yang berlaku ekoran pengaruh pihak tertentu yang menyemai budaya tidak bersyukur di kalangan orang Melayu.

Katanya orang Melayu akan terus lemah jika berpecah dan ini perlu dielak kerana orang Melayu merupakan tonggak kepada negara.

"Apabila bercakap mengenai orang Melayu, saya tidak bermaksud menafikan peranan kaum lain tetapi kalau orang Melayu berpecah, saya percaya negara kita akan hancur dan kita akan dijajah semula," katanya.

Pada majlis itu, beliau turut menasihati rakyat Malaysia yang menetap di negara kesultanan ini supaya mematuhi peraturan, undang-undang dan dasar kerajaan negara ini.

"Saya percaya rakyat Malaysia di Brunei sedar akan tanggungjawab mereka serta patuh dengan undang-undang negara ini. Brunei adalah negara sahabat dan kita ingin untuk sentiasa mengeratkan lagi hubungan kedua-dua negara," kata beliau.

Dianggarkan terdapat kira-kira 23,000 rakyat Malaysia menetap dan bekerja di Brunei, antaranya penuntut, pensyarah, peguam, guru, doktor dan ahli perniagaan.

Turut hadir pada majlis itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Wan Yusof Embong dan kira-kira 200 rakyat Malaysia.

-- BERNAMA  
JS AKD